

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1( )

**MINIT MESYUARAT PENUH  
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA  
BIL. 10 TAHUN 2021**

**Tarikh** : **29 September 2021 (Rabu)**

**Masa** : **10.00 pagi – 12.37 tengah hari**

**Tempat** : ***Hybrid***  
**Bilik Mesyuarat Kenanga dan**  
**Secara Dalam Talian**  
**(Aplikasi Zoom *Meeting*)**

**Kehadiran** : **Seperti di Lampiran A**

**1.0 BACAAN DOA**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Setiausaha Majlis Bandaraya Subang Jaya.

**2.0 TAYANGAN AKTIVITI BULAN SEPTEMBER 2021**

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan September 2021.

### **3.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR**

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya kali yang kesepuluh bagi tahun 2021 yang dilaksanakan secara hybrid iaitu bersemuka dan secara dalam talian. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti yang berikut :

- i) Semua ahli mesyuarat secara dalam talian diminta untuk mengaktifkan video dan memaparkan wajah sebenar sepanjang mesyuarat berlangsung bagi memastikan keberadaan semasa mesyuarat. Ahli mesyuarat juga perlu memastikan mikrofon dimatikan agar tidak mengganggu sesi mesyuarat. Sekiranya ahli mesyuarat ingin menyuarakan pendapat, maka mikrofon boleh dihidupkan untuk tujuan tersebut.
  
- ii) Pengisytiharan kepentingan peribadi bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytihar kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan serta hendaklah berkecuali dengan menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika semasa perbincangan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN bil 21/2018, Ahli Majlis diminta mengisi borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan.

- iii) Pemakluman larangan menggunakan peralatan komunikasi semasa mesyuarat berlangsung.
- iv) Datuk Bandar berkongsi berkenaan Program Malaysia Urban Forum 2021 (MUF 2021) yang telah diadakan pada 7 September 2021. Beliau memaklumkan bahawa, beliau telah dijemput untuk bersama-sama berkongsi input di ruang diskusi maya dan segmen diskusi adalah seperti yang berikut :
  - a. Segmen pertama bertajuk Shah Alam City Forum 2021: Menerajui Inisiatif Mampan Menuju Smart Selangor Mampan 2035 melalui penyediaan Voluntary SubNational Review (VSR) dan Voluntary Local Review (VLR). Segmen pertama diskusi ini merupakan sesi eksklusif Datuk Bandar bersama barisan panel dari Majlis Bandaraya Shah Alam dan juga dari Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor.

MBSJ merupakan antara PBT Malaysia pertama yang telah berjaya membentangkan VLR di High Level Political Forum (HLPF) on Sustainable Development, New York pada 10 Julai 2021. Subang Jaya juga merupakan salah satu dari tiga Negara Asia yang dipilih di bawah program 'Building the Capacity of Mayor and Local Authorities in Asia to Contribute to the sustainable Development Goals' oleh United Nation Economic and Social Commission for Asia and the Pacific

(UNESCAP) dan Penang Platform for Sustainable Urbanization.

- b. Segmen kedua bertajuk Voices from Cities 2: Cities Pathway towards SDGs with COVID-19. Beliau sekali lagi dijemput menjadi salah seorang panel bersama barisan panelis antarabangsa yang lain. Ruang diskusi ini membincangkan mengenai pelaksanaan SDG dalam menangani COVID-19 yang merupakan salah satu manifestasi punca pembangunan tidak lestari dan kesan akibat wabak.

Pada 8 September 2021, Datuk Bandar juga telah dijemput menyertai 'South East Asia Committee Meeting' Co-organised by Local Government Unit of Iriga City and UCLG ASPAC. Pada sesi kali ini, beliau telah berkongsi bersama delegasi antarabangsa lain mengenai strategi daya tahan dan kemampuan bandar serta norma baharu dalam era pasca pandemik. Persidangan ini merupakan platform jaringan antarabangsa dalam melebarkan jalinan antarabangsa melalui advokasi, pembangunan kapasiti, pengurusan penyelidikan dan pengetahuan serta pembangunan projek dan pengurusan melalui kolaborasi di peringkat global.

- v) Beliau turut memaklumkan data berkaitan kes demam denggi di kawasan pentadbiraan MBSJ. Sehingga Minggu Epid 38 iaitu dari 19 September 2021 hingga 25 September 2021, terdapat

sebanyak 1,519 kes positif demam denggi dan tiada lokaliti hotspot denggi dilaporkan di kawasan pentadbiran MBSJ.

Jumlah kes demam denggi di kawasan pentadbiran MBSJ menunjukkan penurunan lebih kurang 72 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2020.

Walau bagaimanapun, masyarakat diminta memastikan kawasan dan persekitaran premis masing-masing bebas daripada tempat pembiakan nyamuk Aedes dengan meluangkan masa 10 minit seminggu sekali untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan di dalam dan sekitar premis masing-masing.

- vi) Datuk Bandar turut berkongsi maklumat berkenaan kes covid-19. Sehingga 26 September 2021, terdapat lebih 219 juta kes positif Covid 19 dilaporkan di seluruh dunia dengan lebih 4.5 juta kes kematian.

Statistik di Malaysia menunjukkan terdapat sebanyak 2,198,235 kes positif Covid 19 dilaporkan dengan lebih 25 ribu kes kematian manakala di Selangor terdapat 672,150 kes positif Covid 19 dengan sebanyak 9,176 kes kematian. Di daerah Petaling pula terdapat 202,794 kes positif Covid 19 dengan sebanyak 70,237 kes adalah di dalam kawasan pentadbiran MBSJ.

Sebanyak 249 kes positif Covid 19 dilaporkan di kalangan kakitangan MBSJ sehingga 26 September 2021 sejak pandemik ini bermula. Bagi situasi semasa, terdapat 5 kes aktif dengan seorang kakitangan dirawat di hospital manakala 4 orang kakitangan lagi menjalani kuarantin di rumah.

Sehingga kini, seramai 1,497 kakitangan MBSJ meliputi 99.01% telah menerima sekurang-kurangnya 1 dos vaksin Covid 19 manakala seramai 1,476 (97.62%) kakitangan MBSJ meliputi 97.62% telah lengkap menerima 2 dos vaksin Covid 19.

Walaupun telah menerima suntikan vaksin Covid 19, masyarakat diingatkan untuk terus mematuhi SOP yang telah ditetapkan dengan mengelakkan 3S iaitu Sesak, Sempit, Sembang Dekat dan mengamalkan 3W iaitu Wash (kerap basuh tangan / guna handsanitizer), Wear (digalakkan memakai pelitup mulut dan hidung), Warn (tidak bersalaman, etika batuk / bersin, disinfeksi, periksa suhu badan).

- vii) Datuk Bandar memaklumkan berkenaan Kempen Jom Bayar Lesen Perniagaan Dan Iklan MBSJ tahun 2022 yang akan bermula pada 1 Oktober 2021 hingga 7 Januari 2022.

Bagi memastikan kempen ini berjalan dengan lancar dan teratur, MBSJ telah memperluaskan perkhidmatan Jom Bayar Lesen MBSJ 2022 secara dalam talian dengan memperkenalkan kaedah

mudah bagi melaksanakan pembaharuan dan pembayaran lesen tanpa *log* masuk menerusi pautan [ezy.mbsj.gov.my](http://ezy.mbsj.gov.my).

Pembaharuan lesen perniagaan dan iklan secara norma baharu melalui kaedah secara dalam talian (*online*) amatlah digalakkan kerana risiko penularan jangkitan COVID-19 mampu dikurangkan berbanding pilihan secara bersemuka di kaunter MBSJ. Selain menjimatkan kos, pelanggan turut bebas melaksanakan transaksi dimana-mana sahaja tanpa waktu yang terhad.

Tatacara pembaharuan dan pembayaran lesen melalui pautan [ezy.mbsj.gov.my](http://ezy.mbsj.gov.my) telah disediakan sebagai pemudahcara kepada pelanggan. Selain itu juga, Borang Temujanji Jabatan Pelesenan melalui medium *google form* boleh digunakan untuk pelbagai saluran pertanyaan berkaitan isu pelesenan termasuk pembaharuan lesen/permit lain-lain kategori meliputi kategori sementara, lesen berisiko, penjaja serta permit sementara iklan luaran yang memerlukan semakan dan kelulusan terlebih dahulu dari Jabatan Pelesenan.

Bagi mengetahui perkhidmatan secara dalam talian yang disediakan, pelanggan boleh melayari media sosial rasmi MBSJ iaitu di *Facebook*, *Instagram* dan *Twitter* MBSJ serta laman sesawang MBSJ di <http://www.mbsj.gov.my>.

viii) Datuk Bandar juga memaklumkan berkenaan pengoperasian semula premis-premis milik Majlis seperti yang berikut :

- a) Perpustakaan Hipermedia MBSJ akan dibuka bermula 4 Oktober 2021 (Isnin) untuk pengguna yang telah lengkap 2 dos vaksin dan hanya melalui kunjungan secara janji temu sahaja. Jumlah kapasiti pengunjung yang dibenarkan adalah 50 peratus di ruang premis selari dengan SOP yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Waktu pengoperasian adalah seperti yang berikut :

<b>HARI</b>	<b>MASA</b>
Isnin	12.00 tengah hari - 4.30 petang
Selasa hingga Jumaat	9.30 pagi – 4.30 petang
Sabtu	9.30 pagi – 3.00 petang
Ahad dan Cuti Am	TUTUP

- b) Semua kemudahan sukan MBSJ telah dibuka mulai 13 September 2021 untuk aktiviti sukan dan riadah sahaja. Bagi aktiviti lain seperti majlis perkahwinan dan keraian masih belum dibuka selari dengan SOP oleh MKN.

Hanya individu yang telah lengkap 2 dos vaksin sahaja dibenarkan menggunakan kemudahan sukan MBSJ. Bagi individu yang berumur 17 tahun dan ke bawah perlu diselia oleh penjaga yang telah lengkap 2 dos vaksin. Kapasiti yang dibenarkan hanya 50% sahaja dalam satu-satu masa.



Waktu pengoperasian adalah seperti yang berikut :

<b>LOKASI</b>	<b>HARI</b>	<b>SESI</b>	<b>MASA</b>
Arena MBSJ	Isnin -	Pagi	7.00 - 9.00 pagi
	Jumaat	Petang	4.00 petang - 8.00 malam
	Sabtu,	Pagi	7.00 - 11.00 pagi
	Ahad, Cuti Am	Petang	4.00 petang - 8.00 malam
Dewan Serbaguna / Stadium Tertutup MBSJ	Setiap Hari	-	9.00 pagi – 10.00 malam
Kolam Renang		8.00 pagi – 10.00 malam	
Gimnasium		8.00 pagi – 10.00 malam	

- c) Kemudahan taman awam kepada masyarakat akan dibuka mulai 1 Oktober 2021. Sehubungan dengan itu, Majlis telah melaksanakan program 'Taman Selamat Bersama MPP MBSJ' pada 25 September 2021 dengan membuka semula 'sea' pada kemudahan taman dan membersihkannya bagi digunakan semula oleh penduduk MBSJ.
- ix) Datuk Bandar mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan berharap mesyuarat pada hari ini berjalan lancar.

#### 4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 9/2021

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 9/2021 bertarikh 27 Ogos 2021 (Jumaat) disahkan tanpa sebarang pindaan.

#### 5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 9/2021

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 9/2021 bertarikh 27 Ogos 2021 (Jumaat) disahkan dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.4 & m/s 2	Datuk Bandar	Program vaksinasi Covid 19 di kalangan kakitangan Majlis	Beliau meminta supaya kakitangan yang enggan divaksin disenaraikan dan perlu difikirkan tugas yang sesuai serta ditempatkan dalam suasana kerja yang tidak melibatkan masyarakat dan kakitangan yang lain.  <b>Keputusan Mesyuarat :</b>  Majlis memutuskan supaya

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>kakitangan yang tidak divaksin akan diambil tindakan berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"><li>i) Kakitangan yang tidak divaksin akan diasingkan dalam satu suasana kerja yang tidak mendedahkan mereka bersemuka dengan orang awam atau kakitangan yang lain.</li><li>ii) Kakitangan penguatkuasa yang tidak divaksin tanpa surat sokongan perubatan akan ditahan untuk pembayaran Elaun Insentif Penguatkuasa sebanyak RM 300.00 disebabkan oleh penguatkuasa tersebut tidak akan</li></ul>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>dibenarkan melaksana kerja-kerja di lapangan.</p> <p>iii) Kakitangan yang tidak divaksin perlu membuat ujian swab sebelum hadir bertugas dengan kos ditanggung sendiri oleh kakitangan. Jabatan Kesihatan diminta mengkaji kekerapan dan jenis ujian swab yang sesuai.</p> <p>iv) Makluman secara bertulis kepada kakitangan yang terlibat akan dibuat sebelum tindakan dilaksanakan.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan :</b> <b>Jabatan Khidmat</b> <b>Pengurusan dan</b> <b>Jabatan Kesihatan</b></p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
2.	Para 5.1 & m/s 5	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Aktiviti Fogging	<p>Beliau mohon penjelasan terhadap maklum balas yang diberikan oleh Jabatan Kesihatan berkenaan pemeriksaan tempat pembiakan dan <i>lavaciding</i>. Beliau memaklumkan Ahli Majlis kawasan memohon Jabatan Kesihatan agar melaksanakan aktiviti fogging di lokaliti yang disenaraikan agar memberi keyakinan kepada penduduk bukan sekadar semakan tempat pembiakan sahaja.</p> <p><b>Keputusan mesyuarat:</b></p> <p>Mesyuarat memutuskan bahawa keputusan mesyuarat masih merujuk kepada keputusan terdahulu iaitu</p>

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p>permohonan fogging yang dikemukakan oleh Ahli Majlis kawasan boleh dilaksanakan mengikut SOP yang ditetapkan oleh MKN. Walau bagaimanapun, kekerapan dan lokasi yang perlu diberi keutamaan harus diputuskan oleh Pengarah Kesihatan MBSJ.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan : Jabatan Kesihatan</b></p>

## **6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA**

### **6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 6/2021 bertarikh 6 September 2021**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.2 & m/s 5	Encik Thamilarusu a/l Sandayan	Kertas Makluman – Program Inisiatif Sumbangan Khairat kematian Covid-19, Kerajaan Negeri Selangor (One Off 2020)	Beliau memaklumkan bahawa sumbangan khairat kematian ini telah ditamatkan kerana peruntukan telah digunakan sepenuhnya.  <b>Keputusan Mesyuarat :</b>  Mesyuarat meminta Jabatan berkaitan menyemak berkenaan perkara tersebut.  <b>Tindakan :</b> <b>Jabatan Pembangunan Masyarakat</b>
2.	Para 4.5 & m/s 6	Tuan Ar.Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim / Encik Thamilarusu a/l Sandayan	Kertas Makluman – Penggunaan Bil Utiliti Balai Masyarakat dan Kabin MPP Sehingga Ogos 2021	Beliau mencadangkan supaya laporan penggunaan utiliti balai dan kabin MPP di tambah baik dengan laporan pembayaran utiliti setiap bulan oleh Jabatan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Perbendaharaan dibentangkan dalam mesyuarat.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan : Jabatan Perbendaharaan</b></p>
3.	Para 4.6 & m/s 7	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Kertas Makluman - Status Penggunaan Peruntukan Kerja-Kerja Inden MPP MBSJ Sehingga Ogos 2021	<p>Beliau memohon semakan semula terhadap pelaporan tersebut kerana peratusan perbelanjaan zon beliau mengelirukan.</p> <p style="text-align: right;"><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Mesyuarat meminta semakan semula terhadap laporan status penggunaan peruntukan dilaksanakan.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat</b></p>



Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
4.	Para 6.1 & m/s 12		Kertas Permohonan – Pangsapuri Angkat Baharu Bagi Program Pangsapuri dan Kampung Angkat Komuniti Berdaya Majlis Bandaraya Subang Jaya	<p>Beliau memohon inden projek pangsapuri angkat dilanjutkan kerana terdapat masalah terhadap inden projek pangsapuri tersebut.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Mesyuarat memutuskan perkara ini akan dibincangkan dengan Jabatan berkaitan.</p> <p><b>Makluman</b></p>
5.	Para 4.6 & m/s 7	Encik M.Anbarasan A/L Murugesu	Kertas Makluman - Status Penggunaan Peruntukan Kerja-Kerja Inden MPP MBSJ Sehingga Ogos 2021	Beliau memohon supaya dibenarkan lanjutan tempoh 14 hari terhadap permohonan inden yang ditolak dan memerlukan tindakan permohonan baharu dikemukakan.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Mesyuarat memutuskan bagi permohonan inden yang ditolak serta memerlukan tindakan permohonan baharu dikemukakan, lanjutan tempoh masa 14 hari dibenarkan bermula daripada tarikh surat penolakan.</p> <p><b>Tindakan :</b>  <b>Jabatan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Landskap</b></p>
6.	Para 4.6 & m/s 7	Tuan Ar.Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim	Kertas Makluman - Status Penggunaan Peruntukan Kerja-Kerja Inden MPP MBSJ Sehingga Ogos 2021	Beliau memohon penjelasan berkenaan perbelanjaan sumbangan sejumlah RM 5,000.00 yang hanya direkodkan di Zon 4 dan Zon 15 sahaja.

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p>Beliau meminta laporan terkini dikemaskini.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Mesyuarat memohon Jabatan Perbendaharaan mengambil tindakan segera berkaitan perkara tersebut.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Perbendaharaan</b></p>

**6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 5/2021 bertarikh 8 September 2021**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)  
Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang  
Jaya bil. 14/2021 bertarikh 30 Ogos 2021**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)  
Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang  
Jaya bil. 15/2021 bertarikh 9 September 2021**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur,  
Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya  
Subang Jaya bil. 5/2021 bertarikh 13 September 2021**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.3& m/s 7	Tuan Ar.Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim	Loji kumbahan di Subang Light Industrial Park	<p>Beliau mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kejuruteraan kerana telah menjadi pemudah cara dengan menguruskan mesyuarat secara dalam talian bersama pihak Subang Light Industrial Park, IWK, SPAN, Adun dan Ahli Majlis kawasan berkaitan isu loji kumbahan tersebut.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Mesyuarat meminta Jabatan Kejuruteraan memantau perbincangan tersebut supaya masalah tersebut dapat diselesaikan.</p> <p><b>Tindakan :</b> <b>Jabatan Kejuruteraan</b></p>

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
2.	Para 7.2.3 & m/s 12	Encik Yap Kok Weng	Kawalan banjir dalam kawasan MBSJ	<p>Beliau memaklumkan bahawa MBSJ telah mengalami banjir luar biasa pada 26 September 2021. Beliau memohon supaya laporan banjir meliputi punca dan langkah pencegahan dibentangkan dalam mesyuarat jawatankuasa akan datang.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Mesyuarat meminta Jabatan Kejuruteraan membentangkan laporan lengkap banjir beserta tindakan penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang dalam mesyuarat jawatankuasa akan datang.</p> <p><b>Tindakan :</b> <b>Jabatan Kejuruteraan</b></p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
3.	Para 7.2.3 & m/s 12	Encik Mohan Singh a/ Surtar Singh	Kawalan banjir dalam kawasan MBSJ	<p>Beliau mengucapkan terima kasih kepada pihak Majlis di atas sumbangan yang diberikan kepada mangsa banjir. Beliau memohon supaya diwujudkan <i>task force</i> yang lebih cekap dalam pengurusan banjir di kawasan MBSJ.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Mesyuarat memutuskan supaya satu pasukan <i>task force</i> banjir melibatkan Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar dan Jabatan Pembangunan Masyarakat diwujudkan.</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Task force ini akan diketuai oleh Tuan Setiausaha sebagai pegawai keselamatan Majlis.</p> <p style="text-align: center;"><b>Tindakan :</b> <b>Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik</b></p>
4.	Para 7.2.3 & m/s 12	Encik Wong Yii Seang	Kawalan banjir dalam kawasan MBSJ	<p>Beliau memohon supaya perkara tersebut dilaksanakan :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Projek memasang sistem pengesan aras air di Sungai Kuyoh dipercepatkan.</li> <li>ii) Semakan di lokasi mendapati terdapat longkang tersumbat yang telah menyebabkan berlakunya banjir kilat di Jalan Jinma 7 dan memohon pihak terlibat membuat</li> </ul>



Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>pembersihan segera.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Mesyuarat meminta Jabatan Kejuruteraan mengambil tindakan segera terhadap perkara tersebut.</p> <p><b>Tindakan :</b> <b>Jabatan Kejuruteraan</b></p>

#### 6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 8/2021 bertarikh 14 September 2021

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 5.7 & m/s 8	Encik M.Anbarasan A/L Murugesu dan	Permohonan Sewaan Operator di Kompleks 3C, Majlis Bandaraya	Beliau memohon penjelasan berkenaan penamatan sewaan Sekolah Rendah Islam

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
		Encik Mohd Syafiq bin Mohamad Norizan	Subang Jaya	<p>Pintar Al-Amin di Kompleks 3C, MBSJ. Beliau memaklumkan bahawa pihak pengurusan sekolah tersebut ingin memohon rayuan dan memerlukan masa untuk mencari lokasi yang sesuai kerana terdapat peperiksaan akan dilaksanakan pada bulan Februari 2022.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Mesyuarat memutuskan supaya pihak pengurusan sekolah mengemukakan surat rayuan dan permohonan rayuan tersebut akan dibincangkan dalam mesyuarat</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				jawatankuasa akan datang.  <b>Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat</b>

**6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 6/2021 bertarikh 15 September 2021**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.3 & m/s 16	Tuan Ar.Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim	Proses Kelulusan Pelan Bangunan	Beliau memaklumkan bahawa terdapat rungutan daripada pemohon mendakwa terdapat kes permohonan kelulusan permit atau pelan bangunan mengambil masa yang terlalu lama

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p>sehingga menyebabkan permohonan lesen tidak dapat diproses.</p> <p>Beliau mencadangkan supaya syarat pemberian lesen perniagaan yang mewajibkan pemilik premis perniagaan tersebut memperolehi kelulusan permit atau pelan bangunan dimansuhkan dan diuruskan secara berasingan di Jabatan Pelesenan dan Jabatan Bangunan.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Datuk Bandar menjelaskan bahawa terdapat banyak kemungkinan yang</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>boleh menyebabkan berlaku kelewatan kelulusan permit atau pelan bangunan sama ada disebabkan oleh <i>Principal Submitting Person</i> dan tidak terkecuali juga berlaku kelewatan di peringkat Jabatan Bangunan. Sehubungan dengan itu, mesyuarat meminta Jabatan Audit Dalam menjalankan auditan khas bagi mengenalpasti masalah dan punca kelewatan ini berlaku.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan :</b> <b>Jabatan Audit Dalam</b></p> <p>Jabatan juga diminta mengkaji dan menyediakan kertas</p>

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				kerja bagi cadangan syarat pemberian lesen perniagaan yang mewajibkan pemilik premis perniagaan memperolehi kelulusan permit atau pelan bangunan diuruskan secara berasingan di Jabatan Pelesenan dan Jabatan Bangunan.  <b>Tindakan : Jabatan Pelesenan</b>

**6.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 6/2021 bertarikh 20 September 2021**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
1.	Para 4.5 & m/s 6	Encik Yap Kok Weng	Permasalahan Burung Gagak Yang Semakin Serius Di Kawasan Komersial Dan Perumahan USJ 11/3, USJ 11/5, SS 15 dan Lake Edge	<p>Beliau memaklumkan bahawa taman-taman awam Majlis telah ditutup semasa musim pandemik. Perkara ini telah menyebabkan taman dipenuhi dengan gagak.</p> <p>Beliau mencadangkan satu kajian khusus perlu dilaksanakan segera bagi menangani masalah gagak.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Mesyuarat meminta Jabatan Kesihatan membuat kajian khusus bagi mengenalpasti masalah, punca dan penyelesaian terhadap permasalahan gagak di</p>

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				kawasan pentadbiran Majlis.  <b>Tindakan : Jabatan Kesihatan</b>

## **7.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT**

### **7.1 Kertas Cadangan Menerima Pakai Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) Bilangan 1 Tahun 2021 – Garis Panduan Pengurusan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.**

**(Kertas Mesyuarat Bil. 7/10/2021)**

Kertas cadangan ini telah disediakan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan dan dibentangkan oleh Timbalan Pengarah Khidmat Pengurusan.

#### **Keputusan Mesyuarat :**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima Kertas Cadangan Menerima Pakai Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) Bilangan 1 Tahun 2021 – Garis Panduan Pengurusan



Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor dengan cadangan dan pindaan seperti yang berikut :

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
1.	Para 12.3 & m/s 9	Datuk Bandar	Penubuhan Jawatankuasa-Jawatankuasa	<p>Beliau memaklumkan semakan mendapati terdapat keanggotaan yang meletakkan jawatan Timbalan Datuk Bandar dan Setiausaha.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Mesyuarat memutuskan keanggotaan mesyuarat bagi Timbalan Datuk Bandar adalah merujuk kepada Setiausaha Perbandaran dan sebaliknya.</p> <p><b>Tindakan :</b> <b>Jabatan Khidmat Pengurusan</b></p>

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
2.	Para 12.4 & m/s 12	Datuk Bandar	Penentuan Bidang Kuasa Jawatankuasa	<p>Beliau memaklumkan bahawa terdapat beberapa Jawatankuasa yang telah dipinda oleh pihak Majlis. Pindaan ini perlu dimintakan sebagai dasar Majlis.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Mesyuarat bersetuju untuk meminda dan menambahbaik 3 Jawatankuasa seperti yang berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"><li>i) Jawatankuasa Kawalan Perniagaan</li><li>ii) Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam</li><li>iii) Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan</li></ul>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				Bandar  <b>Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan</b>
3.	Para 13.3.7 & m/s 28	Datuk Bandar	Ucapan Penangguhan	Beliau meminta supaya wakil Ahli Majlis membuat ucapan penangguhan di akhir Mesyuarat Penuh Majlis.  <b>Keputusan Mesyuarat :</b>  Mesyuarat memutuskan ucapan penangguhan daripada wakil parti akan dilaksanakan dalam Mesyuarat Majlis akan datang. Wakil akan diberikan masa selama 3 hingga 5 minit untuk membuat ucapan penangguhan.  <b>Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan</b>

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
4.	Para 14.2.2 (a) & m/s 37	Encik M.Anbarasan A/L Murugesu	Elaun Perjalanan, Penginapan dan Makan / Minum bagi Arahan Rasmi Majlis	<p>Beliau memohon Majlis menimbangkan permohonan pemberian elaun perjalanan yang tetap setiap bulan kepada Ahli Majlis.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Mesyuarat memutuskan kajian terperinci dilaksanakan dan perkara ini akan dibincangkan dalam Mesyuarat Khas.</p> <p><b>Tindakan :</b> <b>Jabatan Khidmat Pengurusan</b></p>

**7.2 Kertas Cadangan Pemasangan Solar PV di Ruang Tempat Letak Kereta Kakitangan, Di Bangunan Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Subang Jaya Oleh GSParx Sdn. Bhd. (Kertas Mesyuarat Bil. 8/10/2021)**

Kertas cadangan ini telah disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan dibentangkan oleh Timbalan Pengarah Perancangan Bandar.

**Keputusan Mesyuarat :**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima Kertas Cadangan Pemasangan Solar PV di Ruang Tempat Letak Kereta Kakitangan, Di Bangunan Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Subang Jaya Oleh GSParx Sdn. Bhd. dengan cadangan seperti yang berikut :

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
1.	-	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	-	Beliau menyokong projek ini dan mencadangkan pemasangan solar PV ini dipanjangkan di beberapa bumbung bangunan milik Majlis.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Cadangan ini akan diperhalusi merujuk kepada hasil projek Pemasangan Solar PV di Ruang Tempak Letak Kereta Kakitangan, Di Bangunan Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Subang Jaya.</p> <p style="text-align: right;"><b>Makluman</b></p>
2.	-	Encik Chia Yew Ken	-	<p>Beliau menyokong projek ini dan mencadangkan supaya pemasangan solar PV digalakkan kepada pemilik rumah persendirian atau JMB dan Majlis menawarkan beberapa faedah sebagai ganjaran kepada pelaksana.</p>

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Mesyuarat meminta Jabatan memperhalusi cadangan tersebut.</p> <p><b>Tindakan :</b></p> <p><b>Jabatan Perancangan Bandar</b></p>

## 8.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.37 tengah hari.

Tarikh Disediakan : 1 Oktober 2021

**" SELANGOR MAJU BERSAMA "**

**" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "**

**Disediakan oleh;**

.....  
**(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI),** A.M.N., A.M.S.

Setiausaha

**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

.....  
**(TPr. NORAINI BINTI ROSLAN),** S.I.S., P.P.T

Datuk Bandar

**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**



## LAMPIRAN

### HADIR DI PEJABAT

- |    |  |   |                         |
|----|--|---|-------------------------|
| 1. | TPr. Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T<br>Datuk Bandar                       | - | Pengerusi               |
| 2. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.<br>Timbalan Datuk Bandar | - | Setiausaha<br>Mesyuarat |

### HADIR (AHLI MAJLIS) DI PEJABAT

- |     |   |   |             |
|-----|---|---|-------------|
| 3.  | Encik Yap Kok Weng                        | - | Ahli Majlis |
| 4.  | Encik M.Anbarasan A/L Murugesu            | - | "           |
| 5.  | Tuan Ar.Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim | - | "           |
| 6.  | Encik Thomas Yew Sin                      | - | "           |
| 7.  | Encik Thamilarusu a/l Sandayan            | - | "           |
| 8.  | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim              | - | "           |
| 9.  | Encik Mohd Fitri bin Jamaludin            | - | "           |
| 10. | Encik Muhammad Fauzan bin Rosli           | - | "           |
| 11. | Encik Jestin Raj Savarimuthu              | - | "           |

### HADIR (AHLI MAJLIS)- DALAM TALIAN DI KEDIAMAN MASING-MASING

- |     |                                    |   |   |
|-----|------------------------------------|---|---|
| 12. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 13. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi     | - | " |

- |     |                                       |   |   |
|-----|---------------------------------------|---|---|
| 14. | Encik Chia Yew Ken                    | - | " |
| 15. | Encik Wong Yii Seang                  | - | " |
| 16. | Puan Lee Jen Uyin                     | - | " |
| 17. | Puan Ng Seow Chen                     | - | " |
| 18. | Encik Thong Kim Fatt                  | - | " |
| 19. | Encik Muhammad Khairil bin Khalid     | - | " |
| 20. | Encik Teh Eng Teck                    | - | " |
| 21. | Puan Aniza binti Jamaludin            | - | " |
| 22. | Encik Mohd Syafiq bin Mohamad Norizan | - | " |
| 23. | Encik Kenneth Sam A/L Samintahan      | - | " |
| 24. | Encik Mohamad Kamil bin Harun         | - | " |
| 25. | Encik Jaafar bin Mat Akid             | - | " |

**TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)- DALAM TALIAN DI PEJABAT MASING-MASING**

26. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, K.M.N., P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
27. Tuan. Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan

28. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
29. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
30. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.  
Pengarah, Jabatan Kesihatan
31. Puan Hjh. Anita binti Abd Jalil, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
32. Sr. Aida binti Omar, MRISM  
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
33. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Hasil
34. Ts Azura Binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
35. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Bangunan
36. Encik Muhammad Azli Bin. Miswan  
Pengarah, Jabatan Pelesenan
37. Encik Samzol bin Saat  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
38. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, K.M.N, P.J.K.  
Pengarah, Unit Audit Dalam
39. Sr Nazarudin bin Mashtuki  
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
40. Encik Farid bin Ibrahim  
Pengarah, Jabatan OSC

41. Sr. Mohd Marwan bin Khalilludin  
Pengarah, Jabatan COB
42. Encik Afzarizal Bin Abdul Rashid  
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
43. Puan Azlina Binti Mat Salim  
Penolong Pengarah (Kanan), Jabatan Landskap
44. Puan Emilia binti Nasir  
Penolong Pengarah, Unit Integriti
45. TPr. Hazman bin Mohd Mahayudin  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar

### **TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

1. TPr Ismail bin Muhamad, A.I.S  
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar

### **URUSETIA**

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda  
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan